

PELUANG KERJAJAYA



SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN DAN
PERUNDANGAN

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut :

- Mempunyai keterampilan yang baik;
- Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara kumpulan;
- Mempunyai bakat kepimpinan;
- Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Mempunyai kelayakan / profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH
PENGURUSAN
DAN
PROFESIONAL**



**PEGAWAI UNDANG-UNDANG
GRED L41**

JABATAN PEGUAM NEGARA

Kekosongan : 44

Simpanan : 250

1. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau
- (ii) Sijil Amalan Guaman.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau
- (iii) *Barrister-at-law-England*.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau
- (iv) *Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00).

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-undang atau Jurubahasa Gred LA29/30, LA32, LA38, LA40 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

4. Keperluan Bidang Pengkhususan (Ditetapkan oleh Jabatan)

Undang-Undang

5. Keperluan Tambahan (Ditetapkan oleh Jabatan)

- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan **Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) sekurang-kurangnya 3.0** atau yang diiktiraf setaraf dengannya. Walau bagaimanapun, calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan **Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) kurang daripada 3.0** tetapi memiliki Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran dalam bidang perundangan berkaitan yang diiktiraf boleh dipertimbangkan;
- Hanya calon yang **telah memperoleh kelayakan/ kelulusan ijazah yang diiktiraf dan disahkan oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan** permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

6. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-undang-undang-gred-l41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan**. Walaubagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga terdekat dikemas kini sebelum atau pada tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup bagi urusan pengambilan ini adalah pada **7 Disember 2022 (Rabu), jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA ONLINE DI 

<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM